

# 50 pelajar sertai Program SULAM bagi literasi digital, keusahawanan

**BINTULU:** Seramai 50 pelajar sekolah menengah dan kolej di Bintulu telah menyertai Program ‘SULAM’ atau ‘Service Learning Malaysia – University For Society@ Lit-Tech Project’ di TEGAS Digital Innovation Hub Bintulu, Naim Street Mall Paragon Bintulu, baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bintulu, SMK Bandar Bintulu dan Kolej Vokasional Bintulu yang diterapkan dengan seminar dan aktiviti bagi mendekatkan mereka dengan literasi digital dan keusahawanan.

Jurucakap pengajur berkata, program itu merupakan anjuran 30 pelajar Diploma Sains Komputer Semester 4 Sesi 2023/2024 Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama strategik Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) dan Youth Leaders Entrepreneurship (YLE) UPMKB.

“SULAM merupakan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menggalakkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menggabungkan objektif pembelajaran kursus



**TAMBAH ILMU:** Para peserta terlibat dalam beberapa aktiviti yang diadakan.

dengan khidmat komuniti,” jelasnya di sini, semalam.

Katanya, seminar yang diadakan mengupas tajuk ‘Mendekati Reka bentuk Moden’ yang memberi ruang kepada pelajar mempelajari asas reka grafik serta ‘Selamat tinggal kepada Pancingan Data dan Penipuan’ berkenaan cara-cara untuk melindungi diri daripada penipuan siber.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Moon’z Enterprise Mona Liza yang merupakan pengusaha perniagaan madu kelulut tempatan turut dijemput menyampaikan ceramah ‘Rahsia Usahawan’.

Turut diadakan adalah aktiviti berkumpulan bersama

para peserta bagi memupuk semangat kerjasama, pembelajaran secara aktif serta pertukaran idea.

Pada masa sama, pengarah program SULAM@Lit-Tech Project Russell Tang Hsien Rhon berkata, matlamat program itu telah berjaya dicapai.

Katanya, para peserta bukan sahaja dapat menimba ilmu pengetahuan bahkan meluangkan masa bersama terlibat dalam pelbagai aktiviti menarik yang diadakan.

“Saya bersyukur melihat para peserta dapat mempelajari pelbagai perkara mengenai literasi digital, bertemu rakan baharu dan seronok melakukan aktiviti-aktiviti berkumpulan,” ujarnya.